

**AKTA SURUHANJAYA SEKURITI 1993**

**PERINTAH SURUHANJAYA SEKURITI (PINDAAN JADUAL 4) 2001**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 66(5) Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 [*Akta 498*], Menteri, atas syor Suruhanjaya, membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan Jadual 4) 2001**.

(2) Subperenggan 2(c) hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Mac 2001.

**Pindaan Jadual 4**

2. Jadual 4 kepada Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 dipinda—

(a) dengan menggantikan perenggan 5 dengan perenggan yang berikut:

“5. Semua perdagangan debentur yang dilaksanakan di pasaran saham sesuatu bursa saham yang diluluskan oleh Menteri menurut subseksyen 8(2) Akta Perindustrian Sekuriti 1983.”;

(b) dengan menggantikan perenggan 6 dengan perenggan yang berikut:

“6. Semua perdagangan debentur yang dilaksanakan dalam pasaran wang.”; dan

(c) dengan memasukkan selepas perenggan 10 perenggan yang berikut:

“11. Suatu terbitan, tawaran atau pelawaan yang dibuat berhubung dengan debentur jenis mata wang asing kepada:

- (i) seseorang pengunderait di bawah suatu perjanjian pengunderaitan atau perjanjian pembelian permulaan;
- (ii) suatu skim amanah saham atau skim pelaburan yang ditetapkan;
- (iii) seseorang yang dilesenkan sebagai peniaga di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983;
- (iv) suatu dana tertutup yang diluluskan oleh Suruhanjaya;
- (v) seseorang yang dilesenkan sebagai pengurus kumpulan wang di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983 atau seseorang yang diisytiharkan sebagai pengurus kumpulan wang terkecuali di bawah Akta tersebut;
- (vi) sesuatu perbadanan yang mempunyai jumlah bersih aset yang melebihi sepuluh juta ringgit atau yang sama nilainya dalam mata wang asing berasaskan kepada akaun teraudit yang terakhir;
- (vii) sesuatu bank luar pesisir berlesen sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Bank Luar Pesisir 1990;
- (viii) sesuatu penanggung insurans luar pesisir sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Insurans Luar Pesisir 1990.”.

Dibuat 19 Julai 2001.

[PP(S) 0.361 Jld. III/(25); PN(PU<sup>2</sup>)523/II]

Bagi pihak dan atas nama Menteri Kewangan,

CHAN KONG CHOY

*Timbalan Menteri Kewangan*